

Tiada peruntukan pihak menyeleweng ajar agama Islam

UM 20 OCT 2002

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiada sebab kerajaan harus memberi peruntukan kepada mana-mana pihak yang mengajar agama Islam bertentangan daripada ajaran sebenar.

“Sekolah agama adalah bagi mengajar agama. Jika mereka mengajar sesuatu yang bertentangan dengan agama, kita tidak nampak alasan mengapa perlu biayai mereka,” katanya kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Terdahulu, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, peruntukan juga akan dibatalkan bagi mereka yang menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan Islam seperti membenci umat Islam yang lain, menolak persaudaraan umat Islam dan mengecap orang Islam yang lain sebagai kafir, selain daripada menyebarkan fitnah.

Menurut beliau, peruntukan yang disediakan kerajaan adalah untuk menyebarkan pengetahuan Islam dan bukan sebaliknya.

“Jadi mereka perlu mengajar agama yang sebenar, kalau kita dapati mereka mengajar sesuatu yang bertentangan dengan agama Islam, tidak ada alasan mengapa kita perlu menyokong mereka,” katanya.

Beliau menegaskan, matlamat kerajaan mewujudkan masyarakat yang bertakwa di kalangan umat Islam.

“Ini hanya akan tercapai jika tidak ada penyelewengan oleh mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar agama Islam.

“Jika didapati ada mana-mana pihak yang mengajar ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, umpamanya mengajar membenci orang Islam lain, menolak persaudaraan dalam Islam, mengajar bahawa orang Islam tertentu adalah kafir, menyebarkan fitnah, maka peruntukan akan dihentikan,” katanya.